

# Dr M: Pelaburan untuk jamin perpaduan

DATUK Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, perbelanjaan besar sebanyak \$46 juta untuk melaksanakan siaran Rangkaian Kedua Televisyen Malaysia ke Sabah dan Sarawak adalah satu pelaburan yang tidak dapat dinilai dengan wang untuk menjamin perpaduan kebangsaan dan perhubungan rapat masyarakat majmuk di negara ini.

Perdana Menteri yakin siaran televisyen itu akan dapat mempertingkatkan lagi proses perpaduan kebangsaan yang sudah meliputi semua bidang seperti sukan dan limbang yang menggunakan sistem metrik serta waktu seragam.

Ketika berucap melancarkan Perkhidmatan Rangkaian Kedua Televisyen Malaysia ke Sabah dan Sarawak, yang dilancarkan secara langsung oleh RTM hari ini, beliau berharap ia akan menjadi pencetus untuk membawa kemajuan kepada kawasan-kawasan yang jauh dan terpencil.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, rancangan-rancangan dengan penenggaran adalah asas bagi melepaskan rakyat daripada pandangan yang sempit dan pemikiran yang cetek.

"Dengan wujudnya siaran Rangkaian Kedua ke seluruh negara, yang nyata ialah penduduk-penduduk di Sabah dan Sarawak sekarang mempunyai lebih dari satu rangkaian televisyen untuk dipilih.

## KUALA LUMPUR, Rabu

"Dengan demikian, banyakkah lagi pengetahuan yang dapat ditimba. Pandangan sudah tentu semakin luas, kawasan pedalaman sudah tidak lagi terpencil dari ibu negara, serta perkembangan semasa dapat dilihat dan diikuti secara spontan di mana-mana sahaja di negara ini," ujarnya.

Beliau berharap, dengan adanya peluang menyaksikan lebih banyak rancangan di peli televisyen, contoh-contoh yang sesuai akan dijadikan teladan untuk memperbaiki cara hidup rakyat dari segi rohaniah dan jasmaniah.

Perdana Menteri juga mengingatkan, sambil menyaksikan perkara-perkara baru dan kemajuan semasa yang mengagumkan yang mungkin mengubah sikap dan pandangan, rakyat janganlah lalai tentang betapa besarnya nilai seni, budaya dan tradisi tempatan yang diwarisi turun-temurun.

"Tiada gunanya kita berbangga dengan kemajuan dan perkembangan teknologi moden, sekiranya kita membelakangkan warisan kita.

Beliau berharap 'jambatan' yang baru dibina itu bukan sahaja menghubungkan rakyat di merata tempat di tanahair, tetapi juga menjadi penghubung untuk memupuk tradisi silam agar tidak luput dimakan zaman dan dapat dijadikan kemegahan semua.

Menurutnya, tradisi budaya tempatan yang kaya itulah yang mewujudkan keperibadian bangsa dan negara ini.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, wujudnya siaran televisyen yang meliputi seluruh negara ini adalah hasil dari perkembangan dan kemajuan yang dibawa oleh teknologi elektronik.

Katanya, sungguhpun lautan luas memisahkan Semenanjung dengan Sabah dan Sarawak, kemajuan teknologi yang mencipta satelit telah menjadi jambatan untuk menghubungkan rakyat.

Beliau menjelaskan, untuk mewujudkan siaran Rangkaian Kedua ke seluruh negara, kerajaan telah mendirikan tujuh stesen pemancar di Sabah dan tujuh lagi di Sarawak.

Kerajaan juga menggunakan kemudahan satelit selain dari mendirikan stesen satelit bumi untuk menjamin kejayaan siaran.

Katanya, kira-kira \$25 juta dibelanjakan untuk mendirikan pemancar televisyen dan segala perlengkapan yang diperlukan oleh RTM.

Sebanyak \$11 juta digunakan untuk mendirikan alat penyambung gelombang mikro dan alat-alat yang berkenaan supaya pancaran siaran sampai dari satu tempat ke satu tempat, dan \$9 juta lagi dibelanjakan untuk mendirikan stesen satelit bumi.

"Walaupun perbelanjaan adalah begitu besar, kerajaan menganggap ia adalah satu pelaburan yang tidak dapat dinilai untuk menjamin perpaduan kebangsaan dan perhubungan rapat masyarakat majmuk di Malaysia," tegasnya.

Sementara itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad disambut meriah oleh kira-kira 2,000 orang setibanya di Kuching petang ini untuk melancarkan lawatan dua hari ke Sarawak.

Jet eksekutif yang membawa Perdana Menteri itu mendarat kira-kira jam 1.15 tengah hari di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching yang baru dibuka.

Datuk Seri Dr Mahathir yang diringi oleh Datin Seri Dr Siti Hasmah disambut oleh Ketua Menteri, Datuk Patinggi Haji Abdul Taib Mahmud dan para menteri negeri.

Turut serta dalam rombongan Perdana Menteri itu ialah menteri-menteri persekutuan.